

# TNB tidak rela tercicir

Oleh SHAHRIL NIZAM ABDULLAH  
shahril@Resmacom.rT7y

JUA kemenangan yang dk'ataL pada saingan perdana Liga Hoki Malaysia (LHM) 2010/11 minggu lalu jelas sekali amat berharga buat Tenaga NaaionaJ Berhad (TNB).

Ketika gelaran juai'a liga musim ini hampir pasti terlepas daripada genggaman, kejayaan membelaah ATM-Airod 10J pada Jumaat serta menang tipis 2-1 ke atas Maybank sehari kemudian, jelas member! sedikit keiegaan kepada TNB yang terpaksa mengubah misi kepada memburu kedudukan kedua liga.

Begitupun, dengan mengumpul 28 mala di belakang pendahulu Kelab H»ki Kuala Lumpur (KLHC) yang hanya memerlukan satu kemenangan saja mmggu ini untuk bergelar juara, TNB pula masih lagi terjebak dalam persaingan liga penjuar bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Sapura yang turut menginLai tangga kedua.

UniKL yang mengumpul 27 mata dan Sapura (24 mala) masih mengekori rapat TNB, namun juara keseluruhan Piala TNB 2009/10 ilu dilihat lebih berpeluang mengtikalkan kedudukan tersebut, dengan syarat mereka harus menang ke atas UniKL, Juraaat ini.

"Sekarang, ada tiga lagi baki perlawanan untuk diharungi dan kami harus memenangi kesernuanya jika mahu kekal di tangga kedua," kata jurulatih TNB, Nur Saiful ZainL.

"Pertemuan dengan UniKL minggu ini amat penting kerana ia mampu menjadi penentu kepada misi baru kami ini.

"Jika niampu mengalahkannya, kedudukan tangga kedua sudah pasti dalam genggaman kami," tambahnya lagi.

Selepas pertemuan dengan UniKL, TNB dijadualkan berdepan UiTM sehari kemudian (Sabtu) sebetum menamatkan kempen liga dengan bertemu juai'a bertahan, KLHC Sabtu depan (26 Februari).

"Saya sedar prestasi kami agak tidak menentu sepanjang musim ini, saya sendiri tidak tahu apa punca sebenarnya," kata Nur Saiful.

"Tetapi, enam mata yang dikutip ketika menang ke atas ATM-Airod dan Maybank minggu iepas sudah cukup menyuntik semangat pemain pasukan kami.



PEMAIN TNB, Mahinder Singh (tengah) diasak pemain UniKL pada saingan perdana LHM 2010/11 di Stadium Hoki Sultan Azlan Shah, Ipoh baru-baru Ini.

"Masih ada ruang dan mass untuk kami berusaha memperbaiki prestasi tidak menentu ini.

"Cuma apa yang kami mahu ialah terus meneari semula rentak yang hiking dan cuba mengelak daripada bertemu KLHC di pusingan awal dalam kempen Piala TNB nanti. Itu saja," ujarnya lagi.

Enam pasukan teratas bagi saingan perdana LHM dan dua pasukan terbaik Divisyen Satu akan layak secara automatik ke pusingan kalah mati kempen

piala keseluruhan TNB musim ini yang bermula 3 Mac depan.



## TNBMHIL

Liga Hoki Malaysia

### JADUAL PERLAWANAN

#### JUMAAT

UITM	lwn	YNS	(3.30 ptg)
Nur Insafi	lwn	KLHC	(5.15 ptg)
UniKL	lwn	TNB	(7 ptg)
Sapura	lwn	Maybank	(8.45 mlm).

#### SABTU

Nur Insafi	lwn	Maybank	(4 ptg)
UiTM	lwn	TNB	

(Siaran langsung Astro Arena 801.6 ptg)

ATM-Airod lwn KLHC

(Siaran langsung Astro Arena 801.8 mlm)

UniKL lwn Sapura

(Stadium Hoki Kuala Lumpur,

Pantai Dalam 6.30 ptg).

\* Semua perlawanan berlangsung di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta selain dinyatakan.

### KEDUDUKAN LIGA

	P	M	S	K	J	B	Mt
KLHC	13	11	1	1	60	19	34
TNB	13	9	1	3	37	16	28
UNIKL	13	8	3	2	24	18	27
SAPURA	13	8	0	4	31	21	21
YNS	14	7	0	7	42	28	21
NUR INSAFI	14	4	2	8	26	42	14
MAYBANK	13	3	3	7	14	20	12
ATM	14	3	0	11	17	50	9
UITM	13	2	0	11	18	44	6

http://www.klhc.com.my

PENGERAK KEJUARAAN